

SULIT



JABATAN PELAJARAN JOHOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010
PENDIDIKAN ISLAM

1223/1

Kertas 1
Sept.
2 jam

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. ***Bahagian A** mengandungi 40 soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan di halaman 12.*
3. ***Bahagian B** mengandungi **empat** soalan subjektif. Jawab **tiga** soalan: **Soalan 1**, **Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan berikut. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan berasingan.*
4. *Tuliskan **nama** dan **tingkatan** anda pada ruangan yang disediakan di halaman 12.*
5. *Ceraikan kertas jawapan di halaman 12 daripada kertas soalan. Ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan.

Soalan 1 hingga Soalan 20.

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Hitamkan jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan

- 1
- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• menyekutukan Allah SWT secara nyata• Menyembah patung |
|--|

Pernyataan di atas merujuk kepada amalan

- A kufur hakikat
- B kufur nikmat
- C syirik jali
- D syirik khafi

- 2
- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• ilmu hitam• ilmu guna-guna• santau |
|--|

Contoh di atas merujuk kepada

- A sihir
- B nifak
- C syirik
- D khurafat


- 3
- Berikut ialah akibat perbuatan kufur terhadap individu **kecuali**
- A rosak akidah
 - B dilaknat oleh Allah
 - C berlaku keganasan
 - D amalan menjadi sia-sia

- 4
- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Beriktikad bahawa al-Quran mempunyai makna zahir dan batin• Beriktikad bahawa al-Quran hanya difahami oleh imam mereka |
|---|

Pernyataan di atas merujuk kepada pandangan

- A Ahli Sunnah Wal Jamaah
- B Syiah Imamiah
- C Syiah Zaidiah
- D Syiah Batiniyah

- 5 Antara berikut yang manakah cara mencapai kemanisan iman?
- I Cinta kepada Allah dan Rasul lebih daripada segalanya
 - II Memperbanyakkan amal ibadat sunat
 - III Mengasihi sesame manusia kerana Allah
 - IV Melakukan kerja dengan bersungguh-sungguh
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV




- X dalam rajah di atas ialah
- A Al-Quran bersifat qadim
 - B Pelaku dosa besar dianggap kafir
 - C Menolak prinsip al-salaf al-soleh
 - D Perbuatan manusia dilakukan oleh manusia bukan Allah SWT
- 7 Waktu wukuf di Padang Arafah pada
- A 9 Zulhijjah
 - B 10 Zulhijjah
 - C 9 Zulkaedah
 - D 10 Zulkaedah
- 8 Berikut adalah hukum pembahagian daging sembelihan akikah
- A haram mematah-matahkan tulang
 - B wajib dimasak manis
 - C sunat dibuat jamuan
 - D wajib disedekahkan
- 9 Mengikut syariat Islam, syarat binatang yang disembelih mestilah
- A binatang yang cukup umur
 - B mati dengan sekali sembelihan
 - C niat sembelihan semasa menyembelih
 - D binatang ternakan yang halal dimakan
- 10 Berikut ialah rukun nikah
- A lelaki
 - B dua orang wali
 - C seorang saksi
 - D akad

SULIT

4

1223/1

11



Y dalam rajah di atas ialah

- A perempuan dalam idah
 - B perempuan dalam ihram
 - C perempuan dalam talak bain kubra
 - D perempuan dalam talak bain sughra
- 12 Pilih perkara yang menjadi punca sesebuah rumahtangga tidak bahagia
- I suami dan isteri menunaikan tanggungjawab mereka
 - II ahli keluarga tidak menghormati antara satu sama lain
 - III isteri menguruskan makan dan minum ahli keluarga
 - IV anak-anak terlibat dengan kegiatan negatif
- A I dan III
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D II dan IV
- 13 Pengasas kerajaan Bani Umaiyah ialah
- A Abdullah al-Saffah
 - B Muawiyah bin Abi Sufian
 - C Sufian bin Uyainah
 - D Umar bin Abd Aziz
- 14 Selain terkenal sebagai seorang ilmuan, Imam Ahmad rahimahullah juga adalah seorang
- I khatam seluruh al-Quran ketika berusia 9 tahun
 - II menghafaz kitab al-Muwatta' ketika berusia 10 tahun
 - III seorang yang sangat alim dan arif hukum fekah
 - IV digelar al-hakim kerana menghafaz lebih daripada 700,000 hadis
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 15 Antara yang berikut adalah cara Syekh Tahir Jalaludin menyalurkan pemahaman Islam kepada masyarakat **kecuali**
- A Penerbitan akhbar
 - B Proses pengajaran
 - C Ceramah dan pidato
 - D Jawatan yang disandang


- 16 Antara kesan penemuan sains dan teknologi pada zaman Abbasiyah ialah
- A penguasaan ilmu penting dalam era globalisasi
 - B dapat mengangkat status umat Islam di mata dunia
 - C aktiviti perdagangan berkembang maju
 - D kestabilan politik dalam pentadbiran
- 17 Hukum umat Islam melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar mengikut kemampuan masing-masing ialah
- A sunat muakkad
 - B wajib
 - C sunat
 - D harus
- 18 Kerugian seseorang yang tidak beradab kepada Rasulullah SAW ialah
- A memperoleh kejayaan di dunia dan akhirat
 - B mengamalkan akhlak yang mulia
 - C ganjaran pahala terhapus
 - D mendapat syafaat daripada baginda saw .
- 19 Diantara faedah adab bernegara ialah
- A negara bertambah maju
 - B nama negara akan tercemar di mata dunia
 - C ekonomi negara akan menghadapi penurunan
 - D negara mudah diancam oleh musuh
- 20 Antara pencemaran alam yang disebabkan oleh kecuaiian manusia ialah
- A banjir
 - B hakisan ombak
 - C kemarau panjang
 - D pembuangan sisa toksik

Soalan 21 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.


21 Hukuman kesalahan minum arak berdasarkan perundangan Islam ialah sebatan.

22



P dalam rajah di atas ialah

23



Q dalam rajah di atas ialah

24 Golongan Khawarij membataskan sumber syariat kepada sahaja.

25




R dalam rajah di atas ialah

SULIT

7


1223/1

26



S dalam rajah di atas ialah

27




T dalam rajah di atas ialah

28

..... ialah sejenis terbitan yang dikeluarkan oleh syarikat sebagai alat pemilikan.

29



U dalam rajah di atas ialah

30

Hukum menceraikan isteri yang baik ialah

31

Saidiana Othman adalah khalifah khulafa' ar-Rasyidin yang ke

32

Kitab al-Faraid adalah kesan sumbangan dan peninggalan dalam ilmu fekah.

33


Salasilah keturunan Imam Syafie bertemu dengan salasilah pada datuknya Abd Manaf.

SULIT

8

1223/1

34



Sumber ekonomi V dalam rajah di atas ialah

35

Faktor luaran penyebaran Islam pada zaman Abbasiyah :


- Hubungan diplomatik dengan negara luar
- Usaha para pedagang Islam berdagang menerusi perdagangan
- W

Faktor W di atas ialah

36


Hukum lelaki memakai bau-bauan pergi ke masjid ialah

37



X dalam rajah di atas ialah

38




Y dalam rajah di atas merujuk kepada

SULIT

9


1223/1

39



Z dalam rajah di atas ialah

40



P merujuk kepada

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan: Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan berikutnya.

- 1 (a) (i) Apakah maksud murtad? [2 markah]
- (ii) Cadangkan **dua** cara untuk menangani gejala murtad dalam masyarakat. [4 markah]
- (iii) Mengapakah Islam menetapkan hukuman bunuh kepada pesalah murtad? [2 markah]
- (b) (i) Siapakah pengasas ajaran sesat Bahai? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** ciri ajaran Bahai yang bertentangan dengan akidah Islam. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** kesan mengamalkan ajaran Bahai terhadap individu. [4 markah]
- (c) (i) Senaraikan **dua** kumpulan Syiah selain Syiah Zaidiyah. [2 markah]
- (ii) Terangkan iktikad Syiah Zaidiyah yang berbeza dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah. [2 markah]
- 2 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan korban? [2 markah]
- (ii) Nyatakan syarat-syarat sah korban. [2 markah]
- (iii) Huraikan **dua** perbezaan di antara ibadat korban dengan akikah. [4 markah]
- (b) (i) Apakah maksud rujuk? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** syarat sah orang yang merujuk. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** hikmah rujuk terhadap keluarga. [4 markah]
- (c) Nyatakan hukum dan alasan bagi situasi berikut :
- (i) En. Ali menjual buah durian yang masih belum masak di pokok. [2 markah]
- (ii) En. Zaki telah membincang nama anak angkatnya dengan nama beliau. [2 markah]

SULIT

11

1223/1

- 3 (a) (i) Nyatakan punca berlakunya pencemaran udara. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kepentingan menjaga alam sekitar. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan **dua** adab dengan Rasulullah SAW. [2markah]
- (ii) Jelaskan tingkahlaku tidak beradab terhadap Rasulullah SAW. [2 markah]
- (c) (i) Nyatakan fungsi ketenteraan pada zaman Kerajaan Abbasiyah [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** pembaharuan dalam bidang ketenteraan pada zaman Abbasiyah [4 markah]
- (d) (i) Huraikan bukti yang menunjukkan penghormatan tinggi Imam Malik terhadap hadis Rasulullah [2 markah]
- (ii) Senaraikan sifat-sifat peribadi Imam Malik yang boleh anda contohi [2 markah]
- 4 (a) Islam menggariskan beberapa panduan ketika menziarahi jenazah orang Islam.
- (i) Terangkan **dua** perkara dilarang ketika menziarahi jenazah orang Islam. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** hikmah beradab ketika menziarahi jenazah. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan riwayat hidup Sayyid Jamaludin al-Afghani [4 markah]
- (ii) Nyatakan bentuk idea Islah yang dibawa oleh Sayyid Jamaludin al-Afghani kepada masyarakat Islam pada zamannya [2 markah]
- (c) (i) Jelaskan akibat membelakangi kepimpinan yang diasaskan Khulafa' ar-Rasyidin. [2 markah]
- (ii) Huraikan **dua** keistimewaan sistem pentadbiran Khulafa' ar Rasyidin. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

NAMA : _____ TINGKATAN : _____

- | | | | | | | |
|----|----------------------------|----------------------------|----------------------------|----------------------------|----|-------|
| 1 | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D | 21 | _____ |
| 2 | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D | 22 | _____ |
| 3 | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D | 23 | _____ |
| 4 | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D | 24 | _____ |
| 5 | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D | 25 | _____ |
| 6 | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D | 26 | _____ |
| 7 | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D | 27 | _____ |
| 8 | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D | 28 | _____ |
| 9 | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D | 29 | _____ |
| 10 | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D | 30 | _____ |
| 11 | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D | 31 | _____ |
| 12 | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D | 32 | _____ |
| 13 | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D | 33 | _____ |
| 14 | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D | 34 | _____ |
| 15 | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D | 35 | _____ |
| 16 | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D | 36 | _____ |
| 17 | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D | 37 | _____ |
| 18 | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D | 38 | _____ |
| 19 | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D | 39 | _____ |
| 20 | <input type="checkbox"/> A | <input type="checkbox"/> B | <input type="checkbox"/> C | <input type="checkbox"/> D | 40 | _____ |

Bahagian	Markah				Jumlah markah
A					
B	Soalan 1	Soalan 2	Soalan 3	Soalan 4	

SULIT

2
KERTAS 1
BAHAGIAN A

No	Jawapan			
1	<input type="checkbox"/> A	<input type="checkbox"/> B	<input checked="" type="checkbox"/> C	<input type="checkbox"/> D
2	<input checked="" type="checkbox"/> A	<input type="checkbox"/> B	<input type="checkbox"/> C	<input type="checkbox"/> D
3	<input type="checkbox"/> A	<input type="checkbox"/> B	<input checked="" type="checkbox"/> C	<input type="checkbox"/> D
4	<input type="checkbox"/> A	<input type="checkbox"/> B	<input type="checkbox"/> C	<input checked="" type="checkbox"/> D
5	<input type="checkbox"/> A	<input checked="" type="checkbox"/> B	<input type="checkbox"/> C	<input type="checkbox"/> D
6	<input checked="" type="checkbox"/> A	<input type="checkbox"/> B	<input type="checkbox"/> C	<input type="checkbox"/> D
7	<input checked="" type="checkbox"/> A	<input type="checkbox"/> B	<input type="checkbox"/> C	<input type="checkbox"/> D
8	<input type="checkbox"/> A	<input type="checkbox"/> B	<input checked="" type="checkbox"/> C	<input type="checkbox"/> D
9	<input type="checkbox"/> A	<input checked="" type="checkbox"/> B	<input type="checkbox"/> C	<input type="checkbox"/> D
10	<input type="checkbox"/> A	<input type="checkbox"/> B	<input type="checkbox"/> C	<input checked="" type="checkbox"/> D
11	<input checked="" type="checkbox"/> A	<input type="checkbox"/> B	<input type="checkbox"/> C	<input type="checkbox"/> D
12	<input type="checkbox"/> A	<input type="checkbox"/> B	<input type="checkbox"/> C	<input checked="" type="checkbox"/> D
13	<input type="checkbox"/> A	<input checked="" type="checkbox"/> B	<input type="checkbox"/> C	<input type="checkbox"/> D
14	<input type="checkbox"/> A	<input type="checkbox"/> B	<input type="checkbox"/> C	<input checked="" type="checkbox"/> D
15	<input type="checkbox"/> A	<input type="checkbox"/> B	<input checked="" type="checkbox"/> C	<input type="checkbox"/> D
16	<input type="checkbox"/> A	<input checked="" type="checkbox"/> B	<input type="checkbox"/> C	<input type="checkbox"/> D
17	<input type="checkbox"/> A	<input checked="" type="checkbox"/> B	<input type="checkbox"/> C	<input type="checkbox"/> D
18	<input type="checkbox"/> A	<input type="checkbox"/> B	<input checked="" type="checkbox"/> C	<input type="checkbox"/> D
19	<input checked="" type="checkbox"/> A	<input type="checkbox"/> B	<input type="checkbox"/> C	<input type="checkbox"/> D
20	<input type="checkbox"/> A	<input type="checkbox"/> B	<input type="checkbox"/> C	<input checked="" type="checkbox"/> D

No	Jawapan
21	40 kali
22	Taslim
23	Mengelak hidup terbiar / melarat
24	Al-Quran
25	Memperbanyakkan amalan sunat / Qiamullail / selawat
26	Meninggal dunia
27	Kematian salah seorang rakan kongsi
28	Saham
29	Wali Mujbir
30	Makruh
31	3 / Tiga
32	Imam Abu Hanifah
33	Rasulullah SAW
34	Jizyah / al-Fai / Kharaj
35	Bahasa Arab sebagai bahasa rasmi
36	Sunat
37	Aspek jasmani
38	Berakhlak mulia
39	Supaya rakyat berdisiplin
40	Jihad menghapuskan kezaliman / kemungkaran

BAHAGIAN B

Soalan			Contoh Jawapan	Markah
1	(a)	(i)	Maksud murtad. <ul style="list-style-type: none"> Berpaling atau keluar dari agama Islam 	1 isi X 2m = 2m
	(a)	(ii)	Cara menangani gejala murtad. <ul style="list-style-type: none"> Memberi pendidikan agama dengan sebaik-baik Mendalami ilmu agama Meningkatkan keimanan dengan melakukan ibadat kepada Allah SWT Mengambil tindakan tegas kepada mereka yang murtad Membuat hebahan tentang bahaya murtad <p>Catatan:- <i>Mana-mana jawapan munasabah diterima</i></p>	2 isi X 2m = 4m
	(a)	(iii)	Sebab Islam menetapkan hukuman bunuh kepada pesalah murtad. <ul style="list-style-type: none"> Untuk memberi amaran bahawa agama Islam tidak boleh dipermainkan Untuk menghindarkan masyarakat Islam dari berpecah belah Supaya orang ramai tidak berani mencemarkan kesucian agama Islam Untuk menghalang perbuatan memburukkan agama Islam Menunjukkan agama Islam tegas 	1 isi X 2m = 2m
	(b)	(i)	Pengasas ajaran Bahai. <ul style="list-style-type: none"> Husain Ali al-Mazandarani Husain Ali / al-Mazandarani 	1 isi X 2m = 2m
	(b)	(ii)	Ciri-ciri ajaran Bahai. <ul style="list-style-type: none"> Beriktikad bahawa pengasasnya jelmaan Allah Beriktikad bahawa semua agama adalah sama dan digabungkan Menolak kewujudan mukjizat, malaikat, syurga dan neraka Memansuhkan agama Islam Mengubah bentuk-bentuk ibadat Menghapuskan jihad 	2 isi X 1m = 2m

Soalan		Contoh Jawapan	Markah
	(b) (iii)	<p>Kesan mengamalkan ajaran Bahai terhadap individu.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Rosak akidah • Membuang masa • Minda terkongkong • Mengabaikan tanggungjawab kepada Allah, keluarga dan masyarakat • Hidup tidak stabil 	2 isi X 2m = 4m
	(c) (i)	<p>Kumpulan syiah selain syiah Zaidiah.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Syiah Imamiah • Syiah Batiniah 	2 isi X 1m = 2m
	(c) (ii)	<p>Iktikad syiah Zaidiah.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelaku dosa besar berada antara keimanan dan kekufuran • Perbuatan manusia adalah dilakukan oleh manusia bukan Allah SWT. • Para Imam tidak maksum kecuali Ali, Fatimah, Hassan dan Hussin • Menolak Taqiyah • Imam ke-12 mereka ialah Muhammad al-Mahdi akan muncul sebagai Imam Mahdi 	1 isi X 2m = 2m
2	(a) (i)	<p>Pengertian korban. Korban ialah menyembelih binatang ternakan (al-an'am) yang dilakukan pada hari raya aidil adha atau hari-hari tasyrik dengan tujuan beribadah kepada Allah SWT.</p>	1 isi X 2m = 2m
	(a) (ii)	<p>Syarat-syarat sah korban.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berniat korban ketika meyembelih • Menyembelih binatang ternakan yang halal • Menyembelih binatang yang tidak cacat • Menyembelih binatang ternakan yang cukup umur • Memenuhi syarat-syarat sembelihan • Hendaklah disembelih dalam waktu korban • Disembelih oleh orang Islam 	2 isi X 1m = 2m

Soalan		Contoh Jawapan	Markah	
(a)	(iii)	Perbezaan Korban dan Akikah	2 isi X 2m = 4m	
		Korban		Akikah
		<ul style="list-style-type: none"> • Masa korban 10 hingga 13 Zulhijjah • Hukum: sunat Muakkad bagi yang mampu • Disedekahkan dalam keadaan mentah kepada fakir miskin / boleh diberi kepada orang kaya 		<ul style="list-style-type: none"> • Bila-bila masa, sebaiknya hari ke-7 kelahiran • Hukum: sunat Muaakad kepada orang yang menanggung anak • Dimasak agak manis, dibuat jamuan dan disedekah kepada fakir miskin
(b)	(i)	Maksud Rujuk. <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa: Kembali • Istilah: Suami yang mengambil kembali isteri yang telah diceraikan ke pangkuannya 	1 isi X 2m = 2m	
(b)	(ii)	Dua syarat sah orang yang merujuk. <ul style="list-style-type: none"> • Islam • Berakal • Baligh • Kemahuan sendiri / tidak dipaksa 	2 isi X 1m = 2m	
(b)	(iii)	Dua hikmah rujuk kepada keluarga. <ul style="list-style-type: none"> • Anak dan keluarga gembira dan bahagia • Mengelakkan daripada anak-anak terbiar • Memberi ketenangan jiwa selepas kehilangan kasih sayang • Suami isteri dapat peluang memperbaiki Kelemahan masing-masing • Dapat mengembalikan hubungan kekeluargaan yang putus 	2 isi X 2m = 4m	
(c)	(i)	<ul style="list-style-type: none"> • Hukum : Tidak sah • Alasan : Kerana ia termasuk dalam jual beli yang dilarang dan tidak sah 	Hukum 1m Alasan 1m 2 isi X 1m = 2m	
(c)	(ii)	<ul style="list-style-type: none"> • Hukum : Haram • Alasan : Boleh merosakkan nasab keluarga 	Hukum 1m Alasan 1m 2 isi X 1m = 2m	

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan			Contoh Jawapan	Markah
3	(a)	(i)	Punca berlaku pencemaran udara. <ul style="list-style-type: none">• Asap kenderaan bermotor yang mengandungi karbon monoksida• Asap yang dikeluarkan dari kilang-kilang• Debu dari kilang papan• Asap daripada rokok• Kesan dari bahan buangan kilang ke dalam sungai• Pembuangan sampah sarap ke dalam air• Penerokaan hutan yang berleluasa menyebabkan hakisan tanah, tanah runtuh dan sebagainya	2 isi X 1m = 2m
	(a)	(ii)	Kepentingan menjaga alam sekitar. <ul style="list-style-type: none">• Memudahkan kita menjalankan kehidupan dengan baik.• Alam sekitar sebagai sumber makanan, minuman, tenaga, alat perhubungan dan sebagainya.• Menjamin kesihatan baik.• Mewujudkan kesejahteraan dan keharmonian.	2 isi X 2m = 4m
	(b)	(i)	Adab dengan Rasulullah SAW. <ul style="list-style-type: none">• Berselawat kepada Rasulullah SAW• Menziarahi makam baginda• Menghormati dan memuliakan sahabat baginda• Mengikuti sunnah Rasulullah SAW	2 isi X 1m = 2m
	(b)	(ii)	Tingkah laku tidak beradab terhadap Rasulullah. <ul style="list-style-type: none">• Tidak mentaati dan mematuhi perintah baginda• Tidak mengucapkan selawat ketika nama baginda disebut• Bercakap-cakap dan berbuat bising ketika menziarahi makam baginda• Tidak menghormati sahabat baginda• Lalai dalam mengingati Rasulullah SAW• Memperkecilkan sunnah Rasulullah SAW	1 isi X 2m = 2m

Soalan		Contoh Jawapan	Markah
	(c) (i)	<p>Fungsi ketenteraan pada zaman Kerajaan Abbasiyah.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mempertahankan negara dari pencerobohan • Menentang musuh negara • Membantu pihak polis dan pihak berkuasa dalam memelihara ketenteraman awam • Membantu pihak berkuasa awam dalam memberi bantuan malapetaka/ darurat 	1 isi X 2m = 2m
	(c) (ii)	<p>Pembaharuan ketenteraan zaman Abbasiyah.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Keanggotaan ketenteraan terbuka kepada semua samada orang Arab, Parsi & Turki • Memberi gaji dan imbuhan yang lumayan kepada tentera • Mengemaskinikan sistem dan stuktur pentadbiran dan organisasi ketenteraan 	2 isi X 2m = 4m
	(d) (i)	<p>Bukti yang menunjukkan penghormatan tinggi Imam Malik terhadap hadis Rasulullah SAW.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sangat menghormati hadis Rasulullah bila ditanya tentang hadis, beliau akan mandi, memakai pakaian yang bersih, memakai bau- bauan dan memakai serban. • Tetap berpegang teguh dengan hadis, menyatakan bahawa hadis adalah petunjuk dan penyuluh kepada seluruh umat Islam. 	1 isi X 2m = 2m
	(d) (ii)	<p>Sifat peribadi Imam Malik</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai pandangan yang bernas • Mempunyai pendirian yang teguh / bijaksana dan kuat ingatan • Banyak membantu orang yang memerlukan hajat • Tidak suka mencela orang lain • Tawaddhu' dan tidak pernah menunggang kuda di Madinah kerana menghormati jasad Rasulullah SAW 	2 isi X 1m = 2m

Soalan		Contoh Jawapan	Markah
4	(a)	(i) Perkara dilarang ketika menziarahi jenazah. <ul style="list-style-type: none"> • Meratap / meraung terhadap jenazah • Membebankan keluarga jenazah dengan permintaan yang tidak mampu • Mengumpat jenazah • Bergurau senda di hadapan jenazah • Tidak redha dengan takdir Allah SWT 	2 isi X 2m = 4m
	(a)	(ii) Hikmah beradab ketika menziarahi jenazah. <ul style="list-style-type: none"> • Dapat mengeratkan silatur rahim • Mengurangkan tekanan emosi keluarga jenazah • Dapat memberi keinsafan • Dapat menunaikan hak sebagai seseorang muslim 	2 isi X 2m = 4m
	(b)	(i) Riwayat hidup Jamaluddin al-Afghani. <ul style="list-style-type: none"> • Nama sebenar beliau ialah Sayyid Jamaluddin bin Safdar Al-Afghani • Dilahirkan dalam pada tahun 1254 Hijrah / 1838 Masihi di As'ad Abad, Kabul Afghanistan. • Digelar "As-Sayyid" kerana salasilah sebelah keturunan beliau bersambung dengan Saidina Ali dan Rasulullah. • Keturunan beliau juga bersambung dengan Imam At-Tirmizi iaitu seorang ulamak hadis terkenal. • Meninggal dunia pada 5 Syawal 1314H ketika berusia 60 tahun. 	4 isi X 1m = 4m
	(b)	(ii) Bentuk idea Islah yang dibawa Jamaludin al-Afghani. <ul style="list-style-type: none"> • Usaha untuk mengembalikan kecemerlangan umat Islam sebagaimana zaman Khulafa ar-Rasyidin • Untuk membina perpaduan tanpa mengira bangsa dan budaya melalui pertubuhan iaitu al-Jamiah al-Islamiah • Umat Islam hendaklah melaksanakan ajaran Islam berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah • Menyeru umat Islam supaya kembali kepada ajaran Islam serta sesuai dilaksanakan sepanjang masa dan semua tempat • Menyedarkan umat Islam tentang keburukan fanatik kepada sesuatu mazhab hingga memecahbelahkan umat Islam • Umat Islam mesti menumpukan perhatian kepada usaha-usaha untuk memerdekakan tanah air dan 	1 isi X 2m = 2m

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan		Contoh Jawapan	Markah
(c)	(i)	<p>Akibat membelakangi kepimpinan yang diasaskan Khulafa' ar-Rasyidin.</p> <ul style="list-style-type: none">• Negara Islam selepas Khulafa' al-Rasyidin dipimpin oleh khalifah secara warisan• Keadaan kacau bilau dengan pembunuhan Khalifah Uthman Affan dan Ali b Abi Talib menyebabkan negara Islam terdedah dengan fitnah dan peperangan sesama sendiri• Orang munafik mendapat peluang memecah belahkan umat Islam• Timbul perpecahan aliran pemikiran seperti Ahli Sunnah dan Syiah yang memberi kesan hingga hari ini.	1 isi X 2m = 2m
(c)	(ii)	<p>Keistimewaan sistem pentadbiran Khulafa' ar-Rasyidin.</p> <ul style="list-style-type: none">• Pentadbiran berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah dalam semua perkara• Setiap urusan pentadbiran negara berdasarkan syariat Allah SWT• Pentadbiran negara mengikut keputusan Majlis Syura• Pemimpin mestilah boleh memberi contoh teladan kepada rakyat	2 isi X 2m = 4m

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

SULIT



JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

1223/2

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 2

Sept.

1 ½ jam

Satu jam empat puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi lima soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan.*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

Jawab semua soalan

1 (a) Firman Allah SWT. :

وَذَرِ الَّذِينَ اتَّخَذُوا دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا وَعَرَّتْهُمْ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَذَكَّرَ بِمَآ أَن تَبْسَلَ نَفْسٌ بِمَا كَسَبَتْ لَيْسَ لَهَا مِن دُونِ اللَّهِ وَلِيٌّ وَلَا شَفِيعٌ وَإِن تَعْدِلِ كُلُّ عَدْلٍ لَّا يُؤْخَذُ مِنْهَا ۗ أُولَٰئِكَ الَّذِينَ أُبْسِلُوا بِمَا كَسَبُوا ۗ لَهُمْ شَرَابٌ مِّنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْفُرُونَ ﴿٧٠﴾
(سورة الانعام : 70)

Ayat di atas menjelaskan kepada umat Islam supaya menjauhkan diri dari perbuatan mempersendakan agama.

- (i) Nyatakan **dua** golongan yang mempersendakan agama. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** contoh perbuatan mempersendakan agama. [2 markah]
- (iii) Huraikan **dua** faktor yang mendorong seseorang mempersendakan agama. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW. :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا وَإِنَّ اللَّهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلِينَ فَقَالَ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُّوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا. وَقَالَ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ. ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلُ يُطِيلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ: يَا رَبُّ يَا رَبُّ وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ وَعَدْيِي بِالْحَرَامِ فَأَنَّى يُسْتَجَابَ لَهُ.
(رواه المسلم)

Hadis di atas menyarankan supaya memakan makanan yang baik dan melakukan amalan yang soleh.

- (i) Nyatakan **dua** contoh amal soleh yang dianjurkan oleh Islam. [2 markah]
- (ii) Terangkan hubungan antara makanan yang baik dengan amal soleh. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** kesan pada diri seseorang yang memakan makanan yang haram. [4 markah]

- (c) Lengkapkan potongan ayat di bawah dengan pilihan jawapan yang betul daripada jadual yang diberikan. Anda hanya di kehendaki menulis jawapan sahaja mengikut susunan yang betul seperti dalam al-Quran.

A	B	C	D	E
الْعَرْشِ	أَنْفُسِكُمْ	حَسْبَى	الَّذِينَ	عَلَيْكُمْ

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ _____ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ _____
 بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُلْ _____ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ
 تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ _____ الْعَظِيمِ ﴿١٢٩﴾
 (سورة التوبة : 128-129)

[4 markah]

- 2 (a) Firman Allah SWT. :

فَمَنْ يُرِدِ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيَهُ يَشْرَحْ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ وَمَنْ يُرِدْ أَنْ يُضِلَّهُ يَجْعَلْ
 صَدْرَهُ ضَيِّقًا حَرَجًا كَأَنَّمَا يَصَّعْدُ فِي السَّمَاءِ كَذَٰلِكَ يَجْعَلُ اللَّهُ
 الرِّجْسَ عَلَى الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٢٥﴾
 (سورة الانعام : 125)

Ayat di atas menjelaskan Allah SWT berkuasa memberi hidayah kepada sesiapa yang dikehendakiNya.

- (i) Apakah tanda orang yang mendapat hidayah Allah SWT [2 markah]
 (ii) Terangkan cara mendapat hidayah Allah SWT [2 markah]
 (iii) Senaraikan empat perbuatan yang menghalang seseorang daripada mendapat hidayah Allah SWT [4 markah]

SULIT

1223/2

(b) Sabda Rasulullah SAW. :

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ أَخَذَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِمَنْكِبِي فَقَالَ كُنْ فِي الدُّنْيَا كَأَنَّكَ غَرِيبٌ أَوْ عَابِرُ سَبِيلٍ وَكَانَ ابْنُ عُمَرَ يَقُولُ إِذَا أَمْسَيْتَ فَلَا تَنْتَظِرِ الصَّبَاحَ وَإِذَا أَصْبَحْتَ فَلَا تَنْتَظِرِ الْمَسَاءَ وَخُذْ مِنْ صِحَّتِكَ لِمَرَضِكَ وَمِنْ حَيَاتِكَ لِمَوْتِكَ.
(رواه مسلم)

Hadis di atas menjelaskan tentang kehidupan di dunia dan cara pengurusan masa yang baik.

- (i) Apakah maksud perantau dalam hadis di atas [2 markah]
 - (ii) Nyatakan **dua** cara pelajar menguruskan masa dengan bijak seperti yang dituntut dalam hadis di atas [2 markah]
 - (iii) Terangkan **dua** pengajaran yang boleh diambil daripada hadis tersebut. [4 markah]
- (c) Lengkapkan potongan ayat di bawah dengan pilihan jawapan yang betul daripada jadual yang diberikan. Anda hanya di kehendaki menulis jawapan sahaja mengikut susunan yang betul seperti dalam al-Quran.

A	B	C	D	E
زَيْتُونَةٍ	رَزَقْنَاهُمْ	يُضِيءُ	مَنْ يَشَاءُ	كَوْكَبٌ

الزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا _____ دُرِّيٌّ يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةٍ مُبْرَكَةٍ _____ لَا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ يَكَادُ زَيْتُهَا _____ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ نُوِّرْ عَلَى نُورٍ يَهْدِي اللَّهُ لِنُورِهِ
ع

(سورة النور: 35)

[4 markah]

3 (a) Firman Allah SWT. :

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ﴿٢﴾ وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ ﴿٤﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ﴿٥﴾ إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَلِئِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٦﴾ فَمَنِ ابْتَغَىٰ وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ﴿٧﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمْتِنَتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ ﴿٨﴾

(سورة المؤمنون : 1-8)

Ayat di atas menjelaskan antara ciri-ciri mukmin yang berjaya ialah mereka yang khusyuk dalam solat

- (i) Jelaskan cara untuk menjaga solat. [2 markah]
 - (ii) Senaraikan empat ciri mukmin berjaya selain mereka yang khusyuk dalam solat. [4 markah]
 - (iii) Bagaimanakah anda boleh mencapai tahap khusyuk dalam solat [2 markah]
- (b) Sabda Rasulullah SAW. :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ اللَّهَ قَالَ مَنْ عَادَى لِي وَلِيًّا فَقَدْ آذَنْتُهُ بِالْحَرْبِ وَمَا تَقَرَّبَ إِلَيَّ عَبْدِي بِشَيْءٍ أَحَبَّ إِلَيَّ مِمَّا افْتَرَضْتُ عَلَيْهِ وَمَا يَزَالُ عَبْدِي يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ بِالنَّوَافِلِ حَتَّىٰ أُحِبَّهُ فَإِذَا أَحْبَبْتُهُ كُنْتُ سَمْعَهُ الَّذِي يَسْمَعُ بِهِ وَبَصَرَهُ الَّذِي يُبْصِرُ بِهِ وَيَدَهُ الَّتِي يَتِطَّشُّ بِهَا وَرِجْلَهُ الَّتِي يَمْشِي بِهَا وَإِنْ سَأَلَنِي لِأَعْطِيْتَهُ وَلَئِنِ اسْتَعَاذَنِي لِأُعِيذَنَّهُ.

(رواه البخارى)

Hadis di atas menjelaskan tentang amalan-amalan yang perlu dilakukan untuk menjadi kekasih Allah SWT.

- (i) Terangkan kelebihan seseorang yang menjadi kekasih Allah SWT [2 markah]
- (ii) Nyatakan ciri-ciri orang yang beriman dan beramal soleh [2 markah]
- (iii) Jelaskan dua langkah yang perlu anda lakukan untuk menjadi hamba Allah SWT yang direcai. [4 markah]

SULIT

1223/2

- (c) Susun semula potongan ayat al-Quran berikut mengikut tertib seperti di dalam al-Quran. Anda dikehendaki menulis nombor potongan ayat al-Quran mengikut susunan yang betul.

وَأَقْصِدْ فِي مَشْيِكَ وَأَغْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ ^ع	(1)
وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا	(2)
إِنَّ أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ لَصَوْتُ الْحَمِيرِ	(3)
إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ	(4)

(سورة لقمان : 18-19)

[4 markah]

- 4 (a) Firman Allah SWT. :

وَأَنْتَ أَهْلٌ بِهَا خَافِيَةٌ
 وَإِنْ أَحَدٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ اسْتَجَارَكَ فَأَجِرْهُ حَتَّى يَسْمَعَ كَلِمَةَ اللَّهِ ثُمَّ أَبْلِغْهُ مَأْمَنَهُ^ع
 ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٦﴾
 (سورة التوبة : 6)

Di dalam ayat di atas Allah SWT memerintahkan orang Islam supaya memberi perlindungan kepada orang bukan Islam.

- (i) Nyatakan **dua** bentuk perlindungan yang boleh diberikan . [2 markah]
- (ii) Namakan **dua** pertubuhan yang berperanan membantu orang yang baru memeluk Islam di Malaysia . [2 markah]
- (iii) Apakah sebab diperintahkan supaya memberi perlindungan tersebut. [2 markah]
- (iv) Jelaskan **dua** kesan positif perlindungan tersebut terhadap Islam. [4 markah]

SULIT

1223/2

- (b) Nyatakan hukum tajwid bagi kalimah yang bergaris berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan. Anda dikehendaki menulis nombor beserta jawapan sahaja.

Idgham Bila Ghunnah	Alif Lam Qamariah	Iqlab	Ikhfak Hakiki	Mad Silah Tawilah
---------------------	-------------------	-------	---------------	-------------------

(i)	شَهِيدٌ بَيْنِي	(iii)	الْقَاهِرُ
(ii)	كَاشِفَ لَهُ إِلَّا	(iv)	خَيْرٌ لِلَّذِينَ

[4 markah]

- (c) Tulis semula perkataan yang bergaris di bawah dengan tulisan jawi.

Rasulullah berjaya memperbaiki diri manusia yang rosak dengan cara-cara
 (i)
 berhikmah. Baginda menggunakan dalil-dalil yang jelas, kuat dan tegas terhadap
 mereka yang berjiwa kuat yang memerlukan kebenaran. Bagi golongan yang
 (ii) (iv)
 lemah jiwanya, Rasulullah menggunakan susunan kata-kata yang dapat
 (v)
 merangsang mereka supaya sentiasa melaksanakan hukum Allah.
 (vi)

[6 markah]

5 (a) Firman Allah SWT. :

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَٰلِكَ أَزْكَىٰ لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ
 خَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٣١﴾ وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ
 وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ الآية.
 (سورة النور : 31 - 30)

Di dalam ayat di atas Allah SWT memerintahkan orang lelaki dan perempuan yang beriman supaya menjaga kehormatan diri serta kewajiban menutup aurat.

- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan menjaga kehormatan diri. [2 markah]
 - (ii) Terangkan dua kebaikan menjaga kehormatan diri [4 markah]
 - (iii) Nyatakan batasan-batasan aurat bagi lelaki dan perempuan. [2 markah]
 - (iv) Jelaskan pengajaran yang boleh anda amalkan dalam 1 seharian.
- (b) Nyatakan hukum tajwid dan cara bacaan bagi kalimah yang bergaris. Anda dikehendaki menulis nombor beserta jawapan

(i)	وَلَقَدْ خَلَقْنَا فَوْقَكُمْ سَبْعَ طَرَائِقَ
(ii)	فَقَالَ يَتْلُونَ آيَاتِ اللَّهِ مَا لَهُمْ مِنْ آلِهِ غَيْرُهُ
(iii)	وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِ

[6 markah]

SULIT

1223/2

(c) Tulis semula pernyataan di bawah dengan tulisan rumi

(i)	سنتياس ممفلاجري دان مندالمي ايسي كاندوغن القرعان
(ii)	ايو باف برتقكوغجواب مغاسوه انق ٢ مريك
(iii)	برسوكن دان بركيات دالم فرساتوان سكوله
(iv)	مجري كسدرن تنتغ فنتيغن مملهارا عالم سكيتر

[4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT

1223/2 (PP)

PERATURAN PEMARKAHAN

No. Soalan	Jawapan	Markah
1 (a) i	Dua golongan yang mempersendakan agama : <ul style="list-style-type: none"> • Musyrik / menyekutukan Allah SWT / menentang agama tauhid / kafir • Munafik / Abdullah bin Ubai / orang yang menyembunyikan kekufuran • Murtad / keluar dari agama Islam • A'si / pelaku maksiat / meninggalkan perintah Allah SWT 	2 isi x 1m (2 markah)
(a) ii	Dua contoh perbuatan mempersendakan agama : <ul style="list-style-type: none"> • Tidak menutup aurat • Memperkecilkan tuntutan agama / syariat agama • Tidak solat fardhu / zakat / haji / mengatakan solat buang masa • Makan / minum yang haram • Makan / minum dalam bulan puasa dikhalayak ramai • Bangga langar perintah Allah • Menyanjung maksiat • Menghina orang soleh 	2 isi x 1m (2 markah)
(a) iii	Dua faktor yang mendorong perbuatan mempersendakan agama : <ul style="list-style-type: none"> • Lemah iman / tidak dapat didikan agama • Tidak yakin dengan balasan Allah SWT • Bergaul dengan golongan mungkar / 'asi • Kurang penghayatan dalam ilmu agama • Leka dengan kemewahan dunia / terlalu mengejar kekayaan / pangkat / kedudukan 	2 isi x 2m (4 markah)
1 (b) i	Dua contoh amal soleh : <ul style="list-style-type: none"> • Solat-solat sunat • Puasa sunat • Bersedekah • Berzikir • Membaca Al Quran • Berselawat kepada nabi (mana-mana jawapan munasabah diterima) 	2 isi x 1m (2 markah)
(b) ii	Hubungan makanan yang baik dengan amal soleh : <ul style="list-style-type: none"> • Makan makanan yang baik adalah asas penerimaan sesuatu ibadat • Amalan mengambil makanan yang halal dan baik dikira ibadat oleh Allah SWT • Makanan yang haram mengganggu kekhusyukan dalam beribadat 	1 isi x 2m (2 markah)

SULIT

1223/2 (PP)

No. Soalan	Jawapan	Markah
(b) iii	Dua kesan makan makanan yang haram : <ul style="list-style-type: none">• Doa tidak dimakbulkan / hidup tidak berkat / tidak mendapat pertunjuk• Ibadat tidak diterima Allah / dimurkai Allah / tidak diredai / dilaknat Allah / masuk neraka• Jiwa tidak tenteram / gangguan emosi / hidup terganggu / hati jadi gelap / hancur kehidupan• Terdedah kepada penyakit• Menghilangkan kewarasan akal / lemah daya ingatan• Terdedah kepada maksiat / keburukan• Maruah diri tercemar	2 isi x 2m (4 markah)
(c)	B, E, C, A (Mana-mana yang betul diberi markah)	4 isi x 1m (4 markah)
2 (a) i	Tanda orang yang mendapat hidayah Allah SWT <ul style="list-style-type: none">• Suka beramal/amar makruf nahi mungkar▪ Berakhlak mulia/baik▪ Benci kepada maksiat▪ Patuh dan taat perintah Allah SWT / mengeluarkan zakat / solat / puasa▪ Cenderung pada akhirat▪ Sentiasa bertaubat▪ Hati tenang / hidup tenang / jiwa tenteram▪ Berubah tingkah laku dari kufur kepada beriman	1 isi x 2m (2 markah)
(a) ii	Dua cara mendapat hidayah Allah SWT <ul style="list-style-type: none">• Sentiasa menuntut ilmu• Berzikir/ bertasbih / bertahmid / takbir kepada Allah SWT• Beramal dengan ilmu yang dipelajari• Berdoa memohon hidayah Allah SWT• Berakhlak mulia	2 isi x 1m (2 markah)

SULIT

1223/2 (PP)

No. Soalan	Jawapan	Markah
(a) iii	<p>Empat perbuatan yang menghalang seseorang daripada mendapat hidayah Allah SWT</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melakukan perkara maksiat / tidak suka buat kebaikan • Makan benda haram / riba / rasuah / makan harta anak yatim • Minum benda haram / arak / dadah • Menghina/tidak menghormati/memijak/melempar al-Qur'an • Berpakaian mendedahkan aurat / seksi / jarang / ketat • Mempersendakan ajaran Islam / cakap bohong / menipu / fitnah / menghina kawan • Mengamalkan budaya negatif / lepak / merempit / merokok / bohjan / bohsia • Tidak melaksanakan ibadat yang difardhukan • Masih bergelumang dengan dosa dan kemurkaan Allah SWT • Menderhakai ibu bapa <p>(Jawapan selain daripada perbuatan ditolak)</p>	4 isi x 1m (4 markah)
(b) i	<p>Maksud perantau dalam hadis di atas</p> <ul style="list-style-type: none"> • Manusia dalam perjalanan / menuju ke akhirat • Orang yang singgah disuatu tempat / mencari bekalan / untuk meneruskan perjalanan menuju ke suatu destinasi • Dunia hanya tempat persinggahan / untuk menuju ke alam akhirat • Dunia hanya pinjaman/ sementara / akhirat kesudahannya / kekal abadi 	1 isi x 2m (2 markah)
(b) ii	<p>Dua cara pelajar menguruskan masa dengan bijak seperti yang dituntut dalam hadis di atas :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Belajar dalam kumpulan • Mengulangkaji pelajaran ketika ketiadaan guru • Memberi tumpuan penuh ketika belajar • Menyiapkan kerja-kerja sekolah dalam waktunya • Membuat jadual belajar • Mematuhi jadual belajar • Solat di awal waktu • Beriadah / membuat kerja berfaedah di waktu lapang • Rajin mengulangkaji pelajaran / hadir kelas tambahan 	2 isi x 1m (2 markah)

SULIT

1223/2 (PP)

No. Soalan	Jawapan	Markah
(b) iii	<p>Dua pengajaran daripada potongan hadis di atas :</p> <ul style="list-style-type: none">• Umat Islam hendaklah menjadikan dunia ini sebagai tempat persinggahan untuk hidup yang kekal abadi di akhirat.• Kita hendaklah meyakini hidup di dunia hanya sementara dan perlu mencari bekal untuk negeri akhirat• Kita hendaklah mengambil peluang semasa masih sihat dan hidup untuk mengumpul bekalan akhirat• Kita mestilah menghargai masa dengan tidak melengahkan urusan yang baik• Kita hendaklah menyegerakan urusan dengan melakukan kerja pada masanya	2 isi x 2m (4 markah)
(c)	<p>Lengkapkan ayat :</p> <p>E, A, C, D (Mana-mana yang betul diberi markah)</p>	4 isi x 1m (4 markah)
3 (a) i	<p>Cara untuk menjaga solat</p> <ul style="list-style-type: none">• Solat pada awal waktu / tidak menangguhkan solat• Solat cukup lima waktu/ tidak meninggalkan solat / istiqamah• Menyempurnakan tatacara solat seperti rukun qauli dan fe'li / baca ayat dan tertib / tidak kelam kabut solat• Solat dengan khusyuk / tawaduk / ikhlas / memahami ayat yang dibaca• Menjaga kebersihan diri, tempat dan pakaian / suci daripada najis• Menjaga wuduk / memelihara / menyempurnakan wuduk• Solat di tempat aman / sunyi / tempat tiada gangguan	1 isi x 2m (2 markah)
(a) ii	<p>Empat ciri mukmin berjaya selain khusyuk dalam solat</p> <ul style="list-style-type: none">• Menjauhkan perkara sia-sia /lagha• Mengeluarkan zakat• Menjaga kemaluan /menjauhi zina / memelihara maruah / menjaga kehormatan diri• Menjaga amanah dan janji• Menunaikan janji / menepati janji• Menjaga waktu / memelihara solat	4 isi x 1 m (4 markah)

SULIT

1223/2 (PP)

No. Soalan	Jawapan	Markah
(a) iii	<p>Cara mencapai tahap khushyuk dalam solat</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memahami bacaan dalam solat • Ikhlas dalam solat • Hati sentiasa ingat Allah SWT • Tumpu perhatian pada tempat sujud • Berdoa agar khushyuk solat 	<p>1 isi x 2 m (2 markah)</p>
(b) i	<p>Kelebihan orang yang menjadi kekasih Allah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Allah akan memakbulkan segala permintaannya / memakbulkan doa • Allah akan melindunginya dari segala bahaya / dapat menjauhi maksiat / disayangi Allah SWT • Hidup di bawah keredhaan Allah SWT / mengecapi nikmat beribadat / hidup tenang • Mendapat rahmat Allah SWT / diberkati Allah / mendapat ganjaran pahala / masuk syurga / mendapat hidayah / dimudahkan rezeki / bahagia dunia akhirat 	<p>1 isi x 2 m (2 markah)</p>
(b) ii	<p>Ciri-ciri orang yang beriman dan beramal soleh</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Berilmu - dapat mengenali Allah lebih mendalam ▪ Beramal - melakukan amal ibadah dan amal kebajikan ▪ Berakhlak - membentuk peribadi mahmudah / baik 	<p>2 isi x 1m (2 markah)</p>
(b) iii	<p>Langkah yang perlu dilakukan untuk menjadi hamba Allah SWT yang diredhai</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memperbanyakkan bertaubat / beristigfar • Patuh melaksanakan perintah Allah SWT. • Melazimi perkara sunat / solat sunat / puasa sunat • Sentiasa mengingatnya • Berzikir / bertasbih / bertahmid / bertahlil • Membaca al-Quran 	<p>2 isi x 2m (4 markah)</p>
(c)	<p>Susun ayat : 2, 4, 1, 3</p> <p style="text-align: right;">3 1 4 2</p>	<p>Mana-mana yang betul diberi markah.</p> <p>4 isi x 1m (4 markah)</p>

SULIT

1223/2 (PP)

No. Soalan	Jawapan	Markah
4 (a) i	Bentuk perlindungan tersebut ialah : <ul style="list-style-type: none">• Memastikan hak-hak mereka terjaga / peribadi / maruah mereka dijaga• Memastikan kebajikan mereka terpelihara / memberikan tempat tinggal / kewangan / pakaian / makanan• Mewujudkan suasana aman / menjaga keselamatan• Bergaul dengan cara baik / toleransi / jaga hubungan baik• Menolong mereka dalam kesusahan.	2 isi x 1m (2 markah)
(a) ii	Dua pertubuhan dakwah di Malaysia : <ul style="list-style-type: none">• Jakim• Perkim• Abim• Jaij / Jaim / Jais / Jaip• Yadim• Ikim (mana-mana jawapan yang munasabah diterima)	2 isi x 1m (2 markah)
(a) iii	Dua sebab diperintahkan memberi perlindungan : <ul style="list-style-type: none">• Untuk menyampaikan / menerangkan ajaran Islam• Untuk orang Islam berdakwah / mengembangkan agama• Menarik mereka kepada ajaran Islam• Untuk mereka mendengar keterangan Allah SWT• Mereka golongan yang tidak mengetahui / jahil• Mereka memohon perlindungan	1 isi x 2m (2 markah)
(a) iv	Kesan positif perlindungan tersebut : <ul style="list-style-type: none">• Islam akan lebih dihormati / dipandang tinggi / dimuliakan / digeruni• Syiar Islam akan berkembang• ramai masuk Islam / menarik minat orang bukan Islam• Islam menjadi model / contoh / disukai / diminati• Islam agama sejahtera / agama selamat.	2 isi x 2m (4 markah)
(b)	<ol style="list-style-type: none">i. Iqlabii. Mad Silah Tawilahiii. Alif Lam Qamariahiv. Idgham Bila Ghunnah	4 isi x 1m (4 markah)

SULIT

1223/2 (PP)

No. Soalan	Jawapan	Markah												
(c)	<table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td data-bbox="557 406 963 470">ممفربأ يقى ديرى</td> <td data-bbox="963 406 1035 470">1</td> </tr> <tr> <td data-bbox="557 470 963 534">بكيندا مئكوناكن</td> <td data-bbox="963 470 1035 534">2</td> </tr> <tr> <td data-bbox="557 534 963 597">برجىوا قواى</td> <td data-bbox="963 534 1035 597">3</td> </tr> <tr> <td data-bbox="557 597 963 661">باكى كولوغن</td> <td data-bbox="963 597 1035 661">4</td> </tr> <tr> <td data-bbox="557 661 963 725">سوسونن كات ۲ .</td> <td data-bbox="963 661 1035 725">5</td> </tr> <tr> <td data-bbox="557 725 963 789">ملقساناكن حكوم</td> <td data-bbox="963 725 1035 789">6</td> </tr> </table>	ممفربأ يقى ديرى	1	بكيندا مئكوناكن	2	برجىوا قواى	3	باكى كولوغن	4	سوسونن كات ۲ .	5	ملقساناكن حكوم	6	<p>- Setiap satu keratan 1m - Kesalahan melebihi 3 huruf tiada markah - huruf cerai tidak diterima. (6 markah)</p>
ممفربأ يقى ديرى	1													
بكيندا مئكوناكن	2													
برجىوا قواى	3													
باكى كولوغن	4													
سوسونن كات ۲ .	5													
ملقساناكن حكوم	6													
5 (a) i	<p>Maksud menjaga kehormatan diri :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memelihara dari perbuatan yang diharamkan • Memelihara diri dengan menutup aurat • Menjaga batas-batas pergaulan lelaki / perempuan 	<p>1 isi x 2m (2 markah)</p>												
(a) ii	<p>Dua kebaikan menjaga kehormatan diri :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Terpelihara keturunan / anak lahir daripada hubungan yang sah • Kesihatan terjamin / terhindar daripada mendapat penyakit • Terpelihara maruah / maruah akan terdagaai bila berzina • Dikasihi Allah / Allah merahmati orang yang mengikut syariat / hidayah • Hidup tenang kerana tidak bergelumang dengan dosa • Dihormati oleh masyarakat kerana berakhlak mulia. 	<p>2 isi x 2m (4 markah)</p>												
(a) iii	<p>Batasan aurat lelaki dan perempuan :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lelaki – antara pusat hingga lutut • Perempuan – wajib menutup seluruh badan kecuali muka dan tapak tangan. 	<p>2 isi x 1m (2 markah)</p>												
(a) iv	<p>Pengajaran yang boleh anda amalkan :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Wajib ke atas lelaki dan perempuan menghindari dari melihat perkara yang diharamkan seperti melihat aurat orang lain • Kita wajib mmenjaga kemaluan dari perkara yang diharamkan seperti zina, liwat dan lain-lain. • Kita hendaklah menjauhkan diri dari perkara yang boleh mendatangkan fitnah agar hidup selamat. • Umat Islam wajib berpakaian menutup aurat seperti yang dituntut oleh agama. 	<p>1 isi x 2m (2 markah)</p>												

SULIT

1223/2 (PP)

No. Soalan	Jawapan	Markah												
(b)	<table border="1"><thead><tr><th data-bbox="461 434 539 470">Bil</th><th data-bbox="539 434 804 470">Hukum</th><th data-bbox="804 434 1241 470">Cara bacaan</th></tr></thead><tbody><tr><td data-bbox="461 470 539 506">1.</td><td data-bbox="539 470 804 506">Qalqalah</td><td data-bbox="804 470 1241 506">Dibaca dengan bunyi berdetak</td></tr><tr><td data-bbox="461 506 539 542">2.</td><td data-bbox="539 506 804 542">Idgham Mislain</td><td data-bbox="804 506 1241 542">Dibaca dengan dengung</td></tr><tr><td data-bbox="461 542 539 578">3.</td><td data-bbox="539 542 804 578">Izhar Halqi</td><td data-bbox="804 542 1241 578">Dibaca dengan terang dan nyata</td></tr></tbody></table>	Bil	Hukum	Cara bacaan	1.	Qalqalah	Dibaca dengan bunyi berdetak	2.	Idgham Mislain	Dibaca dengan dengung	3.	Izhar Halqi	Dibaca dengan terang dan nyata	6 isi x 1m (6 markah) Hukum= 1m Cara baca = 1m
Bil	Hukum	Cara bacaan												
1.	Qalqalah	Dibaca dengan bunyi berdetak												
2.	Idgham Mislain	Dibaca dengan dengung												
3.	Izhar Halqi	Dibaca dengan terang dan nyata												
(c)	<p>Merumikan ayat jawi :</p> <ul style="list-style-type: none">i. Sentiasa mempelajari dan mendalami isi kandungan al-Quranii. Iubapa bertanggungjawab mengasuh anak-anak merekaiii. Bersukan dan bergiat dalam persatuan sekolahiv. Memberi kesedaran tentang pentingnya memelihara alam sekitar	Catatan: - Satu keratan = 1m - Kesalahan dikira pada perkataan - Kesalahan melebihi 3 perkataan =0 m 4 isi x 1m (4 markah)												

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT